



TAHAP PENGETAHUAN MURID SEKOLAH RENDAH MALAYSIA TENTANG BAHAYA DADAH

**Chan Yuen Fook¹, Abd Halim Mohd. Hussin², Gurnam Kaur Sidhu³,
Nazeera Ahmed Bazari⁴ & Rozilah Abdul Aziz⁵**

ABSTRAK

Fenomena penyalahgunaan dadah bukan hanya melibatkan golongan dewasa dan belia tetapi gejala ini telah merebak di kalangan golongan remaja termasuk kanak-kanak dan murid-murid di sekolah rendah. Golongan muda ini merupakan bakal pewaris yang akan menerajui dan mewarisi negara pada masa depan. Seandainya golongan ini telah dipengaruhi dengan ketagihan dadah maka harapan untuk melihat negara ini berkembang maju dan makmur pada masa depan akan menjadi sia-sia. Demi merealisasikan objektif ini pihak kerajaan telah mengisytiharkan tahun 2003 sebagai Tahun Memerangi Dadah Habis-Habisan dan bercadang merealisasikan Sekolah Bebas Dadah pada 2012 dan Malaysia Negara Bebas Dadah pada tahun 2015. Kementerian Pelajaran Malaysia telah mewajibkan semua sekolah di Malaysia menjalankan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) untuk meningkatkan pengetahuan murid tentang bahaya dadah pada peringkat awal persekolahan. Kajian ini menggunakan Ujian Pengetahuan Bahaya Dadah yang ditadbirkan kepada seramai 2,914 orang murid dari 43 buah sekolah dari tujuh buah negeri di Semenanjung Malaysia untuk memperihalkan tahap pengetahuan murid tentang bahaya dadah. Kebolehpercayaan bagi instrumen ujian pengetahuan adalah pada tahap yang memuaskan (.75). Persampelan bersengaja telah dijalankan untuk memilih 6 hingga 8 buah sekolah di kawasan berisiko yang berdekatan dengan sekolah menengah berkelompok merah dan biru. Di setiap sekolah kajian, tiga kumpulan Murid Tahun 5

¹ Pensyarah Kanan, Prof. Madya Dr., Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

² Pengarah, Dr., ASEAN Centre for Research on Drug Abuse, Universiti Sains Islam Malaysia

³ Pensyarah Kanan, Prof. Madya Dr., Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

⁴ Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA

⁵ Pensyarah, Fakulti Sains Pentadbiran dan Kajian Polisi. Universiti Teknologi MARA



yang terdiri daripada murid kelas cemerlang, sederhana dan lemah telah dipilih untuk menjawab kertas ujian ini. Selepas ujian ditadbir dan disemak, analisis deskriptif yang melibatkan pengiraan min dan sisihan piawai serta analisis inferensi yang melibatkan penggunaan ujian-t dan ANOVA telah digunakan untuk memerihai tahap pengetahuan murid mengikut soalan, negeri, jantina, lokasi dan kategori kelas murid. Maklumat dari ujian pengetahuan menunjukkan bahawa murid hanya mempunyai pengetahuan umum tentang dadah, tetapi murid-murid yang dikaji tidak mempunyai pengetahuan khusus tentang kandungan bahan kimia dalam rokok, dan kesan-kesan merokok. Memandangkan pelaksanaan aktiviti PPDa melalui kurikulum dan program terancang masih berada dalam tahap sederhana, maka pihak Kementerian Pelajaran perlu memikirkan satu pendekatan yang lebih berkesan untuk melaksanakan aktiviti PPDa di sekolah rendah.

ABSTRACT

The phenomenon of drug abuse does not discriminate between age and gender. Today it involves not only adults and the youth but also young primary school children. The young are often viewed as the nation's pride and pillars of tomorrow and if no immediate steps are taken to address the issue of drug abuse the future of our nation looks bleak. Henceforth Malaysia declared 2003 as the year to wipe out drug abuse in a move to have schools free from drug abuse by 2012 and a nation free from drug abuse by 2015. Consequently, the Ministry of Education, Malaysia has made it compulsory that all primary schools conduct a Drug Abuse Prevention Programme known as PPDa aimed at enhancing pupils' knowledge on drug abuse. On a larger scale, the researchers in this study examined the effectiveness of the PPDa but this paper aims to investigate pupils' knowledge on drug abuse. A self-designed test was administered to 2,914 pupils from 43 schools in seven states located in Peninsular Malaysia. The reliability of the test stood at a moderate level (.75). The purposive sample involved 6 to 8 high risk schools located in the red and blue zones identified by the Ministry of Education. In each school, Year Five pupils from three intact classes (excellent, average and weak) were chosen to sit for the test. After the administration and marking of the test papers, both descriptive and



inferential statistics involving means, standard deviations, t-tests and ANOVA were carried out. The analysis looked into variables such as gender, location of school, pupils' knowledge level, state, and pupils' class level. The findings revealed that pupils' possessed only basic knowledge of drugs with limited knowledge on both the chemical composition of cigarettes and drugs and the effects of substance abuse like smoking. Realising the fact that the implementation of the PPDa is at a moderate level, the Ministry of Education must look into implementing more effective approaches to enhance pupils' knowledge on drug abuse via PPDa activities in primary schools.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Memandangkan dadah merupakan musuh utama negara, usaha untuk memerangi ancaman dadah harus menjadi agenda utama kerajaan yang tidak mahu melihat aset terpenting negara iaitu remaja dan belia hanyut dalam khayalan penyalahgunaan dadah. Semua agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta masyarakat umum perlu digesa secara bersepadu untuk membanteras masalah dadah agar dapat mencapai matlamat negara bebas dadah pada tahun 2012. Kita juga harus menyedari bahawa punca dan permasalahan dadah hari ini telah menjadi semakin rumit kerana masalah ini bukan saja melibatkan golongan remaja dan dewasa, tetapi ia juga melibatkan murid-murid sekolah (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2008).

Demi tujuan sekolah bebas dadah, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengatur pelbagai strategi pencegahan awalan bagi menangani masalah dadah di kalangan pelajar. Salah satu daripada strategi tersebut ialah melalui pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di sekolah. Program tersebut ditumpukan di sekolah kerana kajian menunjukkan penagih dadah mula mencuba dadah ketika mereka masih di bangku sekolah lagi iaitu dalam lingkungan usia 13 hingga 17 tahun (Mohd Muzafar Shah & Abdul Malek, 2005). Dengan itu, Program PPDa merupakan salah satu daripada sistem sokongan sekolah ke arah menangani gejala sosial yang melibatkan golongan pelajar sekolah. Program PPDa ini diharapkan dapat memupuk semangat jati diri pelajar yang



seterusnya dapat membentuk nilai murni, budi pekerti yang mulia dan terpuji, kerohanian yang luhur dan memiliki perasaan cinta serta sayang kepada diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara (Mohd Muzafar Shah & Abdul Malek, 2005).

Objektif PPDa ialah untuk mewujudkan pemikiran generasi muda yang bebas daripada pengaruh dadah, menyediakan alternatif berfaedah yang dapat mencegah mereka daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan mewujudkan suasana persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran. Dalam pada itu, pelaksanaan PPDa juga dilengkapi dengan pengisian mengenai penyalahgunaan dadah melalui pelbagai bentuk aktiviti. Walaupun PPDa telah dilaksanakan secara menyeluruh di peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan tetapi masih terdapat sebilangan pelajar sekolah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Bahagian Sekolah (2006), Kementerian Pelajaran Malaysia, didapati seramai 1,015 orang pelajar sekolah telah dikenalpasti terlibat dengan penyalahgunaan dadah dari tahun 2002 hingga 2005.

Menurut Bahagian Sekolah (2006), bilangan pelajar yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dikesan semakin menurun dari tahun 2002 hingga tahun 2005 mungkin merupakan kesan positif dari pelbagai program pendidikan pencegahan dadah yang telah dianjurkan oleh pelbagai pihak seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pemadam, Polis dan sebagainya. Namun demikian, hingga kini, masih lagi terdapat murid-murid sekolah yang terlibat dengan gejala tersebut. Ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan melaksanakan pelbagai program untuk mencegah penyalahgunaan dadah di kalangan murid-murid sekolah masih mempunyai kelemahan. Prinsip pencegahan menunjukkan bahawa kecemerlangan akademik dan kecemerlangan diri pelajar adalah asas kepada pencegahan tingkah laku penyelewengan sosial yang boleh dibendung.



MASALAH PENYALAHGUNAAN DADAH DI SEKOLAH

Adalah nyata bahawa gejala dadah kini telah berjaya menyerang masuk ke dalam institusi rumah tangga, sekolah dan tempat kerja. Justeru itu, pihak pentadbiran sekolah dinasihatkan supaya melihat gejala dadah sebagai sesuatu gejala yang serius dan perlu diberi perhatian dari masa ke semasa. Ini adalah kerana fenomena penyalahgunaan dadah akan membawa kesan negatif terhadap emosi, prestasi akademik dan kehidupan sosial seseorang remaja. Kita juga harus sedar murid-murid sekolah yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah akan menghadapi kesukaran untuk berjaya dalam bidang akademik. Ini kerana mereka sering tidak hadir ke sekolah dan menyebabkan mereka tertinggal dalam pembelajaran (Suradi, 1996). Selain itu fungsi daya kognitif dan pemikiran individu yang terlibat dengan dadah juga akan turut terjejas. Penyalahgunaan dadah akan mengakibatkan mereka membuat tindakan yang tidak rasional dan dengan secara tidak langsung sukar untuk mencetuskan idea yang bernas yang diperlukan sebagai seorang pelajar (Mohamed Izham, Razak Lajis dan Mohd. Isa, 2002).

Kajian yang telah dilakukan oleh Mohd Muzafar Shah Mohd Razali (2007) telah menunjukkan bahawa kebanyakan daripada penagih dadah kronik terlibat dengan tingkah laku delinkuen pada peringkat umur yang lebih awal berbanding dengan penagih yang tidak kronik. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesemua sampel kajian iaitu 138 remaja di pusat rawatan dan pemulihan dadah adalah perokok. Kebanyakan sampel kajian dalam kajian tersebut didapati mula merokok pada usia 12 tahun ke bawah. Penagih dadah kronik pula mula merokok pada usia yang lebih muda berbanding penagih yang tidak kronik. Ini menunjukkan bahawa semakin awal penagih mula merokok, semakin kronik penagihan dadah mereka. Murid-murid sekolah yang ketagihan dadah tidak dapat mengurus diri mereka dengan sempurna. Oleh yang demikian, proses kehidupan mereka akan terjejas, prestasi akademik turut merosot, tingkah laku dan sikapnya juga berubah. Kebanyakan penagih akan hilang minat dan tidak lagi mempedulikan tanggungjawab terhadap pelajaran, pekerjaan, keluarga serta masyarakat sekeliling. Lazimnya perbuatan



mereka itu menimbulkan perasaan marah dan perasaan jijik orang ramai terhadap mereka (Dzulkifli, 2002).

KESAN-KESAN PENAGIHAN DADAH

Menurut sumber literatur (AADK, 2007; Abdul Halim & Mohd Muzafar Shah, 2008) tentang bahaya dadah didapati bahawa murid-murid yang terjebak dengan penyalahgunaan dadah didapati mempunyai petanda-petanda yang boleh dikenalpasti. Penagih dadah akan melalui perubahan dari segi paras rupa, sikap, tabiat dan tingkah laku. Pengetahuan ini adalah juga penting dikuasai oleh guru dan murid di sekolah supaya mereka dapat menjauhkan diri mereka daripada dadah. Beberapa tanda umum yang boleh dikesan telah disenaraikan oleh Agensi Antidadah (2007) seperti berikut:

- Kehadiran ke sekolah dan tempat kerja merosot.
- Mutu kerja, disiplin dan hasil kerja merosot.
- Meradang tanpa sebab, selalu menguap dan tidak bermaya.
- Mengelakkan diri daripada tanggungjawab.
- Kemerostan paras rupa dan kebersihan diri.
- Tabiat suka menyembunyikan apa-apa yang dilakukan atau yang dimiliki.
- Hilang selera makan, kurang berat badan, mata berkaca-kaca dan berair atau mata yang redup dan kuyu.
- Parut dan bekas suntikan di lengan dan di hujung jari bertukar warna akibat menghisap ganja.
- Berdampingan dengan mereka yang diketahui menagih dadah.
- Meminta wang secara berlebihan daripada ahli keluarga.
- Suka meminjam daripada kawan-kawan atau mencuri barang-barang yang mudah dijual dari rumah, sekolah, tempat kerja, saudara mara atau kaum keluarga.
- Suka mengunjungi tempat-tempat terpencil tanpa sebab seperti stor, bilik kecil, tingkat bawah bangunan dengan tujuan mengambil dadah.



Bagaimanapun, bukti kukuh diperlukan untuk menentukan sama ada seseorang itu sebagai penagih dadah seperti keputusan ujian urin dan pengesahan pakar perubatan (AADK, 2007).

KESAN PENGHIDUAN GAM DAN BAHAN LARUT

Trend yang sama juga dapat dilihat dalam perlakuan delinkuen yang lain seperti penghiduan gam dan minum minuman beralkohol. Penagih kronik didapati mula menghidu gam dan minum arak pada usia yang lebih muda daripada penagih bukan kronik. Implikasi daripada dapatan ini menunjukkan terdapat hubungkait di antara perlakuan delinkuen seperti merokok, menghidu gam dan minum minuman beralkohol dengan penagihan dadah. Oleh itu, pihak sekolah harus memantau disiplin di sekolah dan mengadakan program pendidikan pencegahan dadah dan bahan secara berkesan di peringkat sekolah rendah dan menengah (Mohd. Muzafar Shah, 2007).

Menurut Hussain Habil dan Mustafa Ali Mohd (2001), kajian rambang mereka menunjukkan bahawa penggunaan bahan hidu seperti gam dan petrol adalah lebih cenderung di kalangan remaja di kawasan pedalaman seperti di FELDA dan negeri Sarawak. Salah satu sebab remaja di luar bandar lebih suka menghidu gam dan bahan larut ialah bahan-bahan ini lebih mudah diperolehi dan lebih murah berbanding dengan bahan khayal lain. Terdapat banyak kesan buruk daripada tabiat menghidu gam. Satu kes yang telah dikesan melibatkan remaja 14 tahun yang diserang penyakit sawan akibat daripada tabiat menghidu gam. Kesan buruk lain menghidu gam adalah kerosakan sel otak, jantung, hati dan buah pinggang. Penyalahgunaan gam dan bahan larut boleh juga menyebabkan maut kerana masalah pernafasan dan kemalangan yang berlaku sewaktu dalam keadaan khayal (Husain Habil et. al., 2003). Oleh yang demikian, kita perlu mengambil langkah tegas untuk membanteras gejala penghiduan gam dan bahan larut daripada terus berleluasa sehingga menjadi satu epidemik yang akan membawa kesan yang sangat buruk kepada negara.



SOALAN KAJIAN

Tiga soalan kajian telah dikenalpasti untuk kajian ini:

1. Apakah tahap pengetahuan murid tentang bahaya dadah?
2. Apakah tahap pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan Pencegahan Dadah di sekolah rendah?
3. Adakah terdapat perbezaan tentang pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan Pencegahan Dadah di sekolah rendah mengikut:
 - a. Negeri?
 - b. Jantina?
 - c. Lokasi Sekolah?
 - d. Kategori Kelas?

REKABENTUK PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan Ujian Pengetahuan Pencegahan Dadah yang ditadbirkan kepada 2,914 orang murid dari 49 buah sekolah dari lapan buah negeri di Semenanjung Malaysia untuk memperihalkan tahap pengetahuan murid tentang bahaya dadah. Kebolehpercayaan bagi instrumen ujian pengetahuan adalah pada tahap yang memuaskan (.75). Persampelan bersengaja telah dijalankan untuk memilih 6 hingga 8 buah sekolah berisiko yang berdekatan dengan sekolah menengah berkelompok merah dan biru. Di setiap sekolah kajian, tiga kumpulan Murid Tahun 5 yang terdiri daripada murid kelas cemerlang, sederhana dan lemah telah dipilih untuk menjawab kertas ujian ini (rujuk Jadual 1). Andaian yang dibuat ialah murid-murid Tahun Lima telah melalui pelbagai jenis program pendidikan pencegahan dadah di sekolah dan mempunyai kesedaran tentang penyalahgunaan dadah pada tahap tertentu.



Jadual 1: Cara Persampelan Kelompok Pelbagai Peringkat di Sekolah Kajian

Instrumen	Responden	Anggaran Bilangan Responden
1. Ujian Pengetahuan Dadah Murid (Lampiran 4)	Murid Tahun 5 <ul style="list-style-type: none"> • 1 Kelas Murid Baik • 1 Kelas Murid Sederhana • 1 Kelas Murid Lemah 	60-90 Orang

Ujian pengetahuan dadah murid terdiri daripada 10 soalan yang merangkumi topik-topik daripada modul Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR). Murid tahun 5 diuji dari segi pengetahuan mereka tentang pelbagai soalan seperti punca seseorang terjebak dengan penyalahgunaan dadah, jenis-jenis dadah, kesan penyalahgunaan dadah, tempat yang berisiko tinggi menjadi sarang penagihan dadah dan tindakan penagih sekiranya berlaku situasi yang cenderung ke arah penyalahgunaan dadah. Selepas ujian ditadbir dan diskorkan markahnya, analisis deskriptif yang melibatkan pengiraan min dan sisihan piawai serta analisis inferensi yang melibatkan penggunaan ujian-t dan ANOVA telah digunakan memerihalkan tahap pengetahuan murid mengikut soalan ujian, negeri, jantina, lokasi dan kategori kelas murid. Sebelum instrumen-instrumen kajian ini ditadbir kepada sampel sebenar, ia terlebih dahulu melalui satu ujian rintis. Kajian rintis telah dijalankan di enam buah sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada bulan Februari 2009. Maklumat yang diperolehi dari kajian rintis telah digunakan untuk memurnikan instrumen kajian yang dibina dari segi laras bahasa dan kesesuaian item untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen penyelidikan berkenaan sebelum kutipan data dijalankan di seluruh negara dari April hingga Jun 2009. Analisis kebolehpercayaan bagi Ujian Pengetahuan Murid telah menunjukkan nilai koefisien Conbach Alfa yang memuaskan. Nilai (.750) menunjukkan bahawa instrumen ini mempunyai keutuhan dalaman yang baik dan ia dapat mengukur pengetahuan murid tentang bahaya dadah dengan memuaskan (Jadual 2).

**Jadual 2: Kebolehpercayaan Instrumen Penyelidikan Ujian Pengetahuan Murid**

Kebolehpercayaan Ujian	Bilangan Item	Cronbach Alpha
Jumlah markah murid	10	.750

DAPATAN KAJIAN**Faktor Demografi Murid dalam Ujian Pengetahuan Pencegahan Dadah**

Faktor demografi murid dalam Ujian Pengetahuan Pencegahan Dadah telah dicatat mengikut negeri, jantina, lokasi sekolah dan kategori kelas. Jadual 3 menunjukkan bilangan sekolah yang terlibat dalam kajian mengikut negeri-negeri di Malaysia. Secara keseluruhan, terdapat 49 buah sekolah dari lapan buah negeri yang terdiri daripada Selangor (n=6), Perak (n=7), Melaka (n=6), Pulau Pinang (n=8), Johor (n=6), Terengganu (n=4) dan Pahang (n=6). Jumlah responden terlibat ialah seramai 2,914 orang. Secara perbandingan, Selangor mempunyai peratusan murid yang paling tinggi iaitu sebanyak (19.80%). Jumlah peratusan ini diikuti dengan peratusan murid dari Pulau Pinang (19.60%), Johor (15.80%), Perak (14.60%), Melaka (13.00%), Pahang (8.80%) dan Terengganu (8.40%).

Jadual 3: Demografi Murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah Rendah (n=2914)

Negeri	Bil.Sekolah	Kekerapan	Peratus (%)
Selangor	6	578	19.80
Pulau Pinang	8	571	19.60
Johor	6	460	15.80
Perak	7	426	14.60
Melaka	6	378	13.00
Pahang	6	255	8.80
Terengganu	4	246	8.40
Jumlah Keseluruhan	43	2914	100.00



Menurut dapatan demografi murid dalam ujian pengetahuan PPDa murid dalam Jadual 4, didapati sebanyak 47.00% daripada jumlah keseluruhan murid yang menduduki ujian pengetahuan PPDa murid terdiri daripada murid lelaki dan sebanyak 49.20% terdiri daripada murid perempuan. Kebanyakan murid adalah dari kawasan luar bandar (53.60%). Ini diikuti dengan kawasan bandar (35.30%) dan jumlah peratusan yang paling sedikit adalah dari kawasan FELDA (11.10%). Peratusan murid daripada kelas baik adalah paling tinggi (45.80%), diikuti dengan kelas sederhana (36.60%) dan jumlah peratusan yang paling kurang adalah dari kelas lemah (17.50%).

Jadual 4: Demografi Murid dalam Ujian Pengetahuan Pencegahan Dadah Sekolah Rendah Mengikut Jantina, Lokasi Sekolah dan Kategori Kelas (n=2914)

Faktor Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	1369	47.00
	Perempuan	1435	49.20
Lokasi Sekolah	Bandar	1028	35.30
	Luar Bandar	1563	53.60
	FELDA	323	11.10
Kategori Kelas	Baik	1336	45.80
	Sederhana	1067	36.60
	Lemah	511	17.50
Jumlah Keseluruhan		2914	100.00

Tahap Pengetahuan Murid Tentang Penyalahgunaan Bahan

Dapatan daripada ujian pengetahuan Program PPDa murid di sekolah rendah menunjukkan pencapaian murid dalam ujian pengetahuan PPDa dan dibandingkan mengikut negeri, jantina, lokasi sekolah serta kategori sekolah. Jadual 5 di bawah



menunjukkan min dan sisihan piawai bagi tahap pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah mengikut nombor soalan ujian tersebut. Secara keseluruhannya, nilai jumlah min keseluruhan tahap pengetahuan dan pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan PPDa adalah sederhana (Min=66.22, SP= 19.91). Didapati soalan nombor 8 – *golongan yang paling banyak terjebak dengan dadah* mempunyai nilai min tertinggi iaitu sebanyak 90% (Min=90.00, SP=30.60), diikuti dengan soalan nombor 6 – *pengetahuan murid mengenai aktiviti-aktiviti yang tidak diingini* dengan nilai min 88% (Min=88.00, SP=33.00). Sebanyak 90 peratus murid dapat menjawab soalan ke-8 kerana ianya merupakan soalan yang paling mudah difahami. Seterusnya, murid juga dapat memahami kehendak soalan ke-6 (88%) yang berkaitan dengan pernyataan mengenai faktor utama penyebab kepada penyalahgunaan dadah. Sebanyak 77 peratus murid-murid (Min=77.00, SP=42.20) berjaya menjawab soalan 4 – *penyakit berbahaya AIDS yang berpunca daripada penagihan dadah*. Murid juga diuji sejauh mana tindakan yang perlu diambil sekiranya terdapat rakan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah dalam soalan ke 7 – *tindakan murid sekiranya salah seorang rakan mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah*. Ini jelas membuktikan bahawa sebanyak 73 peratus murid (Min=73.00, SP=44.50) mengetahui prosedur atau tatacara untuk membuat laporan. Soalan-soalan yang menunjukkan min pencapaian yang sederhana tinggi adalah terdiri daripada soalan bernombor 3 – *aktiviti penagihan dadah*, soalan ke-10 *lokasi yang paling kurang berisiko dalam aktiviti penagihan dadah* dan soalan ke-9 *pilih pernyataan yang salah*. Bagi soalan ke-3 – *penagihan dadah berpunca daripada aktiviti ...*, didapati bahawa tahap pengetahuan murid terhadap faktor utama penyalahgunaan dadah adalah berdasarkan pemikiran rasional murid-murid dengan nilai min (Min=68.00, SP=46.60). Ini membuktikan bahawa responden memahami merokok merupakan ‘pembuka jalan’ dalam penyalahgunaan dadah. Soalan ke-10 – *berikut adalah lokasi yang paling berisiko dalam aktiviti penagihan dadah, kecuali:..* pula menunjukkan tahap pengetahuan murid yang sederhana tentang lokasi yang paling berisiko dalam aktiviti penagihan dadah (Min=67.00, SP=47.10). Bagi soalan ke 9 *pengetahuan murid mengenai dadah* adalah lebih mencabar pengetahuan murid (Min=65.00, SP=47.70) tentang isu semasa dadah. Seterusnya, soalan nombor 1 – *kandungan bahan kimia dalam*



rokok mencatatkan nilai min sebanyak (Min=50.00, SP=50.00) di mana ia menunjukkan pengetahuan murid yang kurang tentang bahan kimia yang terkandung dalam rokok tersebut.

Jadual 5: Min dan Sisihan Piawai pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah Rendah mengikut nombor soalan ujian (n = 2914)

No. Soalan	Soalan dalam Ujian Pengetahuan	Min	SP
S1	Kandungan bahan kimia dalam rokok.	50.00	50.00
S2	Kesan-kesan fizikal akibat merokok.	42.00	49.30
S3	Aktiviti penagihan dadah.	68.00	46.60
S4	Penyakit berbahaya yang berpunca daripada penagihan dadah.	77.00	42.20
S5	Nama lain bagi kanabis.	44.00	49.60
S6	Pengetahuan murid mengenai aktiviti-aktiviti yang tidak diingini.	88.00	33.00
S7	Tindakan murid sekiranya salah seorang rakan mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah.	73.00	44.50
S8	Golongan yang paling banyak terjebak dengan dadah.	90.00	30.60
S9	Pengetahuan murid mengenai dadah.	65.00	47.70
S10	Lokasi yang paling kurang berisiko dalam aktiviti penagihan dadah.	67.00	47.10
Min Keseluruhan		66.22	19.90

Dapatan menunjukkan kekurangan pengetahuan murid dalam menjawab soalan nombor 5 – *nama lain bagi kanabis* iaitu dengan nilai min yang amat rendah (Min=44.00, SP=49.60), manakala soalan nombor 2 – *kesan-kesan fizikal akibat merokok* menunjukkan tahap min yang paling rendah iaitu 42% (Min=42.00, SP=49.30). Secara



keseluruhannya, soalan ke-5 dan ke-2 amat sukar untuk dijawab oleh murid kerana ia menguji tahap pengetahuan murid dari segi penggunaan perkataan teknikal seperti nama lain bagi dadah serta pemerhatian secara fizikal terhadap penagih dadah. Ini membuktikan bahawa kebanyakan murid masih belum menguasai kemahiran mengenal pasti tanda-tanda awal akibat penyalahgunaan dadah.

Perbezaan tentang Pencapaian Murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah mengikut Negeri, Jantina, Lokasi Persekolahan dan Kategori Kelas

Jadual 6 menunjukkan analisis ujian ANOVA perbezaan di antara min jumlah markah murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah untuk negeri Selangor, Perak, Melaka, Pulau Pinang, Johor, Terengganu dan Pahang. Hasil analisa ujian ANOVA menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan ($F=5.85$, $p<0.05$) di antara nilai-nilai min jumlah markah murid dengan negeri-negeri terpilih. Jumlah min keseluruhan dalam perbandingan pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah mengikut negeri ialah (Min=66.22, SP=19.91). Adalah didapati tahap nilai min yang tertinggi dicapai oleh murid yang berlokasi di negeri Johor (Min=68.93, SP=22.22). Ini diikuti dengan negeri Melaka (Min=68.73, SP=19.87). Seterusnya, dapatan menunjukkan tiga negeri yang memperolehi nilai min yang hampir setara iaitu negeri Selangor (Min=66.59, SP=17.20), Perak (Min=66.48, SP=19.95) dan Pahang (Min=66.27, SP=17.59). Negeri Terengganu mencatatkan nilai min kedua rendah (Min=63.54, SP=22.39), manakala tahap pencapaian yang paling lemah ialah Pulau Pinang (Min=62.94, SP=19.92).

Jadual 6: Perbandingan pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah Rendah mengikut Negeri (n=2914)

Negeri	Min	SP	F	p
Johor (n=460)	68.93	22.22	5.85	.00
Melaka (n=378)	68.73	19.77		
Selangor (n=578)	66.59	17.20		



Negeri	Min	SP	F	p
Perak (n=426)	66.48	19.95		
Pahang (n=255)	66.27	17.59		
Terengganu (n=246)	63.54	22.39		
Pulau Pinang (n=572)	62.94	19.92		
Min Keseluruhan	66.22	19.91		

Jadual 7 menunjukkan hasil ujian Perbandingan Min pencapaian murid mengikut soalan Ujian Pengetahuan PPDa dengan Negeri. Dapatan menunjukkan negeri Johor memperoleh nilai min yang tertinggi bagi empat soalan iaitu soalan 1 (*kandungan bahan kimia dalam rokok*, Min=57.0, SP=49.6), soalan ke-2 (*kesan-kesan fizikal akibat merokok*, Min=54.0, SP=49.9), soalan ke-7 (*tindakan murid sekiranya salah seorang rakan mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah*, Min=77.0, SP=42.2) dan soalan ke-10 (*lokasi yang paling kurang berisiko dalam aktiviti penagihan dadah*, Min=78.0, SP=41.7). Berikutnya, negeri Melaka mendapat nilai min tertinggi bagi soalan ke-3 (*aktiviti penagihan dadah*, Min=78.0, SP=41.5) serta soalan ke-5 (*nama lain bagi kanabis*, Min=48.0, SP=50.0). Manakala negeri Pahang mendapat nilai min yang tertinggi bagi soalan ke-4 (*penyakit berbahaya yang berpunca daripada penagihan dadah*, Min=83.0, SP=37.9) dan soalan ke-6 (*pengetahuan murid mengenai aktiviti-aktiviti yang tidak diingini*, Min=93.0, SP=26.3). Negeri Selangor pula mencatat nilai min yang tertinggi bagi soalan ke-8 (*golongan yang paling banyak terjebak dengan dadah*, Min=94.0, SP=24.2). Bagi soalan ke-9 (*pengetahuan murid mengenai dadah*), nilai min yang tertinggi diperolehi negeri Perak (Min=69.0, SP=46.1). Dapatan juga menunjukkan negeri Terengganu mendapat nilai min yang paling rendah berbanding dengan negeri-negeri lain dalam semua soalan ujian yang ditadbirkan.

Berdasarkan Jadual 8, hasil ujian-t yang dijalankan membuktikan terdapatnya perbezaan signifikan ($t=-5.23$, $p<0.05$) dalam tahap pencapaian murid bagi Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah Rendah mengikut jantina. Tahap nilai min bagi murid perempuan (Min=68.91, SP=18.39) adalah lebih tinggi berbanding dengan nilai



min murid lelaki (Min=65.11, SP=20.04; $t=-5.23$, $p=0.00$). Ini menunjukkan tahap pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah murid perempuan adalah lebih tinggi daripada murid lelaki mempengaruhi pencapaian murid dalam ujian PPDa. Di samping itu, analisis ANOVA pencapaian murid dalam pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah Rendah mengikut lokasi sekolah juga turut dikaji.

Jadual 7: Ujian Perbandingan Min pencapaian murid mengikut soalan Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah Rendah dengan Negeri (n=2914)

Soalan	Nilai	Selangor	Perak	Melaka	Pulau Pinang	Johor	Terengganu	Pahang	Jum.
S1	Min	41.00	54.00	56.00	49.00	57.00	46.00	46.00	50.00
	SP	(49.20)	(49.90)	(49.70)	(50.00)	(49.60)	(49.90)	(49.90)	(50.00)
S2	Min	40.00	45.00	36.00	38.00	54.00	38.00	40.00	42.00
	SP	(49.00)	(49.80)	(48.10)	(48.60)	(49.90)	(48.70)	(49.10)	(49.30)
S3	Min	69.00	65.00	78.00	62.00	68.00	63.00	73.00	68.00
	SP	(46.30)	(47.70)	(41.50)	(48.50)	(46.80)	(48.30)	(44.30)	(46.60)
S4	Min	78.00	76.00	82.00	71.00	77.00	74.00	83.00	77.00
	SP	(41.20)	(42.90)	(38.50)	(45.30)	(42.20)	(43.70)	(37.90)	(42.20)
S5	Min	47.00	35.00	48.00	43.00	43.00	47.00	45.00	44.00
	SP	(50.00)	(47.70)	(50.00)	(49.60)	(49.60)	(50.00)	(49.90)	(49.60)
S6	Min	91.00	87.00	85.00	87.00	84.00	87.00	93.00	88.00
	SP	(28.10)	(34.10)	(35.30)	(33.60)	(37.00)	(33.70)	(26.30)	(33.00)
S7	Min	74.00	73.00	75.00	71.00	77.00	66.00	70.00	73.00
	SP	(44.00)	(44.30)	(43.30)	(45.50)	(42.20)	(47.40)	(45.80)	(44.50)
S8	Min	94.00	90.00	92.00	89.00	85.00	86.00	91.00	90.00
	SP	(24.20)	(30.20)	(27.90)	(31.80)	(36.20)	(35.00)	(28.10)	(30.60)
S9	Min	65.00	69.00	64.00	61.00	68.00	68.00	60.00	65.00
	SP	(47.70)	(46.10)	(48.10)	(48.90)	(46.80)	(46.80)	(49.00)	(47.70)
S10	Min	66.00	71.00	70.00	59.00	78.00	59.00	61.00	67.00
	SP	(47.30)	(45.50)	(45.70)	(49.30)	(41.70)	(49.20)	(48.80)	(47.10)



Jadual 8 juga menunjukkan hasil analisis ANOVA tahap pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah yang berlokasi di bandar, luar bandar dan FELDA. Hasil ujian ANOVA di Jadual 8 menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan ($F=6.810$, $p<0.05$) di antara ketiga-tiga kumpulan lokasi tersebut. Tahap nilai min yang tertinggi diperolehi oleh murid yang berlokasi di FELDA dengan nilai (Min=70.06, SP=17.68). Manakala bagi murid yang berlokasi di bandar mempunyai tahap min sederhana (Min=65.86, SP=19.66) diikuti dengan tahap min sederhana rendah di lokasi luar bandar (Min=65.67, SP=20.44). Nilai keseluruhan min ialah 66.22% (Min=66.22, SP=19.91). Ini membuktikan bahawa murid di lokasi FELDA mendapat pendedahan yang lebih baik daripada murid di bandar serta luar bandar dalam pendidikan pencegahan dadah melalui aktiviti pengajaran guru, kaunselor, sekolah dan subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK). Pengendalian aktiviti yang lebih kerap di sekolah-sekolah FELDA adalah disebabkan oleh kebimbangan risiko yang tersedia wujud di kawasan tersebut.

Jadual 8 juga menunjukkan nilai min tahap pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah di Sekolah Rendah mengikut kategori kelas di sekolah. Hasil ujian ANOVA menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan ($F= 298.32$, $p<0.05$) di antara ketiga-tiga status kelas (Baik, Sederhana dan Lemah) di setiap sekolah. Dapatan membuktikan murid kelas baik memperoleh nilai min yang tertinggi (Min=73.81, SP=16.94). Ini diikuti dengan nilai tahap min yang seterusnya bagi murid kelas sederhana (Min=63.86, SP=18.76) manakala bagi murid kelas lemah mempunyai nilai min yang terendah iaitu (Min=51.31, SP=19.82). Hasil ujian ANOVA ini membuktikan bahawa pencapaian murid mengikut status kelas adalah sejajar dengan tahap nilai min yang diperolehi.



Jadual 8: Ujian-T Pencapaian Murid Dalam Ujian Pengetahuan Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah Rendah Mengikut Jantina, Lokasi Sekolah dan (n=2914)

Item	Min	SP	t	P
Jantina				
Lelaki (n=1369)	65.11	20.04	-5.23	.00
Perempuan (n=1435)	68.91	18.39		
Lokasi				
Bandar (n=1028)	65.86	19.66	6.81	.00
Luar Bandar (n=1563)	65.67	20.44		
FELDA (n=323)	70.06	17.68		
Kategori Kelas				
Baik (n=1336)	73.81	16.94	298.32	.00
Sederhana (n=1067)	63.86	18.76		
Lemah (n=511)	51.31	19.82		

Secara keseluruhannya tahap pengetahuan dan pencapaian murid dalam Ujian Pengetahuan PPDa masih berada pada tahap yang sederhana. Padahal, kebanyakan soalan yang diuji didapati mudah difahami dan hampir 60% murid mengetahui faktor utama penyebab kepada penyalahgunaan dadah dan kesan penyalahgunaan dadah. Hasil dapatan menunjukkan pencapaian murid dalam soalan nombor 8 – *golongan yang paling banyak terjebak dengan dadah* mempunyai nilai min tertinggi. Dapatan ini menjelaskan bahawa murid-murid peka bahawa golongan remaja adalah golongan paling banyak terlibat dengan dadah. Soalan yang menguji tindakan wajar oleh murid sekiranya berlakunya masalah penyalahgunaan dadah pada rakan telah mencapai tahap pengetahuan yang memuaskan.

Namun demikian, sasaran sebenar tahap pengetahuan murid haruslah ditingkatkan ke tahap yang sangat memuaskan kerana dadah merupakan Musuh No. 1 dalam Negara. Soalan-soalan yang menunjukkan min pencapaian yang sederhana tinggi adalah soalan



nombor 3 – *aktiviti penagihan dadah*, soalan ke-10 - *lokasi yang paling kurang berisiko dalam aktiviti penagihan dadah* dan soalan ke-9 - *pilih pernyataan yang salah* perlu dipertingkatkan lagi. Manakala, soalan yang menguji tahap pengetahuan murid dari segi penggunaan istilah (soalan 2 dan 5) seperti nama lain bagi dadah serta pemerhatian secara fizikal terhadap penagih dadah dikenalpasti masih berada pada tahap rendah. Ini membuktikan bahawa murid masih sukar mengenal pasti tanda-tanda awal akibat penyalahgunaan dadah. Secara keseluruhannya pengetahuan murid tentang dadah boleh dikatakan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan sedangkan kesemua soalan yang terkandung dalam ujian tersebut adalah berdasarkan sukatan pelajaran PINTAR dan PROSIDAR tahap 1 dan tahap 2 di sekolah rendah. Oleh itu, langkah-langkah yang lebih berkesan perlu dilaksanakan bagi memastikan murid-murid dapat menguasai maklumat tentang bahaya dadah secara lebih mendalam dan meningkatkan pengetahuan mereka tentang bahaya dadah ke tahap yang lebih tinggi.

IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN

Markah pencapaian murid yang sederhana dalam Ujian Pengetahuan Dadah menunjukkan bahawa penguasaan pengetahuan murid tentang bahaya dadah masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Maklumat dari pencapaian pengetahuan murid menunjukkan bahawa murid hanya mempunyai pengetahuan umum tentang penyalahgunaan dadah dan kesannya, tetapi murid-murid yang dikaji tidak mempunyai pengetahuan yang khusus tentang kandungan bahan kimia dalam rokok, kesan-kesan fizikal merokok dan nama lain bagi dadah. Walaupun maklumat ujian menunjukkan bahawa murid perempuan mempunyai pengetahuan yang lebih tinggi terhadap bahaya dadah, dan murid cemerlang juga mempunyai pengetahuan lebih tinggi daripada murid sederhana dan lemah, namun demikian, murid berisiko selalunya datang daripada murid lelaki dan murid yang mempunyai pencapaian rendah dalam pelajaran.

Dapatan daripada kajian ini adalah membimbangkan memandangkan murid sekolah rendah merupakan aset dan modal insan yang sangat berharga dan juga sebagai pengganti



pemimpin pada masa depan. Dengan itu, usaha untuk memerangi penyalahgunaan dadah haruslah bermula daripada murid sekolah rendah dan salah satu cara pelaksanaannya adalah dengan meningkatkan tahap pengetahuan mereka tentang bahaya dadah ke tahap yang tinggi.

Di sekolah, murid-murid sering didedahkan kepada bahaya penyalahgunaan dadah melalui aktiviti seperti melukis poster dan program lima minit dadah. Namun demikian, aktiviti seperti ini adalah tidak mencukupi untuk meningkatkan pengetahuan murid ke tahap yang tinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan baru yang lebih efektif perlu dilaksanakan dalam kalangan murid-murid sekolah supaya mereka lebih berminat untuk mempelajari teknik-teknik untuk menjauhi dadah dan tidak terjerumus ke dalam kancah dadah. Pendekatan-pendekatan yang baru haruslah lebih mantap dan merangkumi aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran murid dalam memerangi dadah. Pendekatan-pendekatan baru untuk meningkatkan pengetahuan murid tentang bahaya dadah secara berkesan telah dikenalpasti seperti berikut:

- i) Semua aktiviti tentang bahaya dadah harus dijalankan secara bersungguh-sungguh oleh semua guru bagi memastikan pendidikan pencegahan dadah dapat dilaksanakan di sekolah secara berkesan.
- ii) Pihak sekolah boleh menjalankan lebih banyak program yang menggalakkan pemikiran kreatif dan kritis murid-murid sesuai dengan perkembangan tahap peringkat umur murid. Ini dapat meningkatkan motivasi murid untuk mengambil bahagian dalam program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan kerana dapat menarik minat mereka. Selain daripada ceramah, pameran, melukis dan mewarna poster, minggu PPDa dan deklamasi sajak yang kerap dijalankan di sekolah, aktiviti-aktiviti lain seperti perkhemahan, pertandingan boria, dikir barat, drama dan penyediaan folio juga harus dilaksanakan untuk menarik minat pelajar tentang gaya hidup sihat.



- iii) Sukatan pelajaran Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR) haruslah memberi lebih banyak penekanan tentang jenis-jenis dadah dan kesan-kesan penyalahgunaan dadah.
- iv) Pelaksanaan PROSIDAR yang didapati berada di tahap yang sederhana boleh diperbaiki dengan memberi lebih banyak latihan kepada guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan supaya ia menjadi program yang baik dan berkesan demi mencapai objektif dan sasaran pelaksanaannya.
- v) Pembelajaran PROSIDAR perlu dikaji dan dinilai semula secara komprehensif.
- vi) Pembelajaran berkenaan dadah secara interaktif perlu dilaksanakan agar sesuai dengan perkembangan murid-murid.
- vii) Ibu bapa juga perlu diingatkan bahawa menjaga kelakuan anak adalah tanggungjawab ibu bapa dan tidak boleh dilepaskan atau dideligasikan sepenuhnya kepada guru.
- viii) Ibu bapa juga harus diingatkan mengenai peranan mereka untuk mendidik anak-anak mereka supaya membenci dadah dan menyedari bahaya dadah.
- ix) Memastikan pendidikan anti dadah merentasi kurikulum dilaksanakan di sekolah.
- x) Pihak pengurusan sekolah perlulah mengadakan pemerhatian menyeluruh terhadap program PPDa yang dijalankan di samping kerjasama yang jitu daripada pelbagai pihak berkenaan.
- xi) Program PPDa merentasi kurikulum perlu diteliti semula bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya.
- xii) Khidmat kaunseling perlu dipertingkatkan dalam usaha mencegah penglibatan murid dalam kancah penyalahgunaan dadah pada peringkat awalan.
- xiii) Semua warga pendidik mestilah berganding bahu menentang dadah kerana tanggungjawab ini bukan sahaja terletak pada bahu guru-guru PPDa.
- xiv) Guru besar perlu memberi komitmen jitu dan berdedikasi dalam memastikan sekolah bebas dadah.



- xv) PIBG harus juga melibatkan diri dalam usaha mencegah dadah di sekolah dan tidak hanya tertumpu kepada hal-hal akademik.
- xvi) Penglibatan komuniti dan jiran tetangga adalah juga penting untuk memastikan sekolah bebas dadah.
- xvii) Menyalurkan maklumat tentang PPDa dan usaha-usaha membanteras penyalahgunaan bahan dalam kalangan murid-murid di mesyuarat PIBG. Ibu bapa juga digalakkan menyertai program PPDa yang dijalankan.
- xviii) Murid-murid perlu digalakkan untuk menyertai aktiviti ko-kurikulum yang berfaedah kepada diri mereka.

KESIMPULAN

Murid sekolah rendah merupakan modal insan yang sangat berharga kepada negara, jadi mereka perlu diberi pendedahan tentang bahaya dadah sejak dari awal lagi supaya tidak terjebak dengan dadah. Jika tahap pengetahuan murid-murid tentang bahaya dadah masih dalam keadaan kritikal, isu penyalahgunaan dadah akan terus berlaku kerana ia tidak dapat dikawal dari peringkat sekolah rendah lagi.

Tambahan pula, sekolah merupakan institusi penting dalam usaha mendidik dan seterusnya melahirkan masyarakat yang berguna dan produktif kepada negara. Pihak sekolah mempunyai peranan penting untuk mendidik anak muridnya agar sentiasa kekal cergas, sihat dan selamat dari segala ancaman. Justeru itu, sekolah-sekolah perlu lebih prihatin dalam mengambil segala langkah yang berkesan untuk memastikan murid sekolah mendapat segala maklumat dan pengetahuan berguna untuk menjauhkan diri mereka daripada bahaya dadah (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2008).

Sepertimana yang kita sedia maklum, walaupun usaha-usaha memberi kesedaran mengenai bahaya dadah telah banyak dijalankan setakat ini, namun badan-badan yang bertanggungjawab perlu memfokuskan kepada aktiviti-aktiviti yang menggerakkan murid-murid itu sendiri bertindak memerangi dadah secara aktif (AADK, 2007). Murid-



murid sekolah rendah khususnya perlu diyakinkan agar mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap diri dan harus menganggap dadah sebagai musuh bagi individu, institusi keluarga, komuniti dan negara. Mereka perlu diberi kesedaran bahawa masalah dadah tidak boleh dilihat sebagai tanggungjawab agensi pelaksana tertentu seperti AADK dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, tetapi ia juga merupakan masalah bagi semua pihak dan memerlukan komitmen dan sokongan padu daripada segenap lapisan masyarakat untuk memerangnya sebagai Musuh Nombor 1 di negara ini (Prosidar 2008). Oleh yang demikian, program PPDa perlu dijalankan dengan secara bersungguh-sungguh oleh semua pihak untuk memastikan pengetahuan tentang bahaya dadah dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dapat diserapkan secara berkesan pada tahap yang awal dalam usaha membentuk murid-murid yang cergas dan bebas daripada dadah.

RUJUKAN

- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2007). *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Bil 1, Jun 2007, Issn 1985-2007. Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan dalam Negeri, Putrajaya.
- Agensi Antidadah Kebangsaan. (2007). *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysian Anti Drugs Jurnal*, Jld 1, No 2, Disember 2007, Issn 1985-2007. Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan dalam Negeri, Putrajaya.
- Abdul Halim & Mohd Muzafar Shah. (2008) *Pencegahan Penyalahgunaan Dadah. Isu dan Prinsip-prinsip Pencegahan Dalam Penyalahgunaan Dadah: Panduan untuk Kaunselor, Guru, Ibu bapa dan Masyarakat*. USIM, Nilai, Negeri Sembilan.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2008). *Kit Pengajaran dan Pembelajaran Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR): Sekolah Bebas Dadah 2012*. Putrajaya: Bahagian Sekolah, Kementerian pelajaran Malaysia, ms. iii-v.
- Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Perancangan Strategik 5 Tahun Pendidikan Pencegahan Dadah 2007-2011*. Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Dzulkifli Abdul Razak. (2002). *Dadah: Senario Sejangat yang Membimbangkan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka



Hussain Habil & Mustafa Ali Mohd. (2001). *Managing Drug Addiction: Mission is Possible*. Ampang: Penerbitan Salafi.

Hishammuddin. (2007). *Laporan Program Pendidikan Pencegahan Dadah 2007*. Bahagian Sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, ms. 2.

Mahmood Nazar Mohamed, Yahya Don, Mohamad Hasan & Muhamad Dzahir Kasa. (2005). Program Pendidikan Pencegahan Dadah SLAD: Adakah Ia Berkesan Mencapai Matlamatnya? *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol.2, 39-57, UUM.

Mohamed Izham Mohamed Ibrahim, Razak Lajis & Mohd Isa Abdul Majid. (2002). *Mengenal Dadah dan Bahayanya Terhadap Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Muzafar Shah bin Hj. Mohd Razali. (2007). The Relationship Between the Age of Onset for Delinkuent Behaviour and Chronic Drug Abuse among Adoloscents. *Kertas kerja yang dibentangkan di International Counseling Symposium on Drug Prevention and Rehabilitation anjuran Kolej Universiti Islam Malaysia dan Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia. Crown Princess Hotel. Kuala Lumpur. 5-7 September.*

Nota: Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Kaunseling 2009 yang bertemakan “Memperkasakan Individu, Keluarga & Komuniti Melalui Perkhidmatan Kaunseling Berkualiti” di Palace of The Golden Horses, Kuala Lumpur pada 3-5 November 2009.